

# Perbandingan Laras Bahasa Fiqh Solat antara Lima Karya Fiqh Berbahasa Arab Terkini: Analisis Data Korpus Berkomputer

**BITARA**

Volume 7, Issue 2, 2024: 215-234  
 © The Author(s) 2024  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 30 March 2024  
 Accepted: 18 April 2024  
 Published: 18 May 2024

## [*Comparison of Fiqh Terminology for Solat Across Five Contemporary Arabic Fiqh Works: A Corpus-Based Analysis*]

Mohamad Azwan Kamarudin,<sup>1</sup> Lily Hanefarezan Asbullah,<sup>1</sup> Amin al-Hadi Ab Hadi,<sup>1</sup>  
 Mohd Haidhar Kamarzaman<sup>1</sup> & Muhammad Ariff Mohd Rajoli<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA  
 E-mail: azwankamarudin@ukm.edu.my; lilyhane@ukm.edu.my; aminalhadi@gmail.com; haidhar@ukm.edu.my;  
 ariffrajoli@gmail.com

\*Corresponding Author; email: haidhar@ukm.edu.my

### Abstrak

Fiqh sering disifatkan sebagai kefahaman dan amalan manusia terhadap syariat sebagaimana yang diwahyukan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Fiqh ibadat pula selalunya menduduki bab kedua dalam kebanyakan buku-buku rujukan fiqh moden dan klasik setelah fiqh bersuci. Bagi pelajar pengajian Islam yang benar-benar ingin menguasai bidang ilmu fiqh ini, adalah wajar dan perlu untuk mereka mengenali dan memahami terlebih dahulu kosa kata, istilah, struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan dalam teks-teks rujukan berbahasa asal, iaitu bahasa Arab. Lantaran dari itu, kajian ini akan meneliti laras bahasa fiqh solat dalam kitab *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, *Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-Hanbali*, *Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-Maliki*, *Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-Hanafi* dan *Sifat Solat al-Nabi min al-Takbir ila al-Taslim Kaanaka Taraha* dengan menganalisis kata nama dan kata kerja berkaitan fiqh ibadat yang kerap digunakan dalam karya-karya tersebut. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tatacara bagi membina korpus laras bahasa fiqh solat dalam bahasa Arab menggunakan perisian *Sketch Engine* di samping membuat perbandingan antara laras bahasa fiqh solat dalam kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie* yang merupakan rujukan fiqh terkini dalam mazhab Syafie dengan laras bahasa fiqh solat dalam kelima-lima karya terkini fiqh solat selain mazhab Syafie. Kajian ini juga akan menganalisis makna leksikal dan kontekstual bagi 10 perkataan terpilih dari laras bahasa fiqh solat tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara jenis dan bentuk kosa kata fiqh solat yang digunakan dalam kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie* dengan laras bahasa fiqh solat dalam kelima-lima karya terkini fiqh solat pelbagai mazhab, sekaligus membuktikan laras bahasa fiqh solat dalam kelima-lima karya tersebut adalah sama.

**Kata kunci:** terminologi fiqh, solat, karya fiqh, linguistik korpus

### Abstract

Fiqh is often described as the human understanding and practice of Sharia as revealed through the Quran and Sunnah. The fiqh of al-Ibadah usually occupies the second chapter in most modern and classic fiqh reference books after the fiqh al-Taharah. For students of Islamic studies who really want to master this field of Islamic jurisprudence, it is appropriate and necessary for them to first recognize and understand the vocabulary, terms, sentence structures and language styles used in the reference texts in the original language, which is Arabic. Because of that, this study will examine the fiqh solat in the book *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, *Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-*

*Hanbali, Fiqh al-Ibadat 'ala al -Al-Maliki Madhab, Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-Hanafi and Sifat Salat al-Nabi min al-Takbir ila al-Taslim Kaanaka Taraha* by analyzing nouns and verbs related to fiqh ibadat that are often used in the works. This study aims to identify the procedures for building a corpus of fiqh solat in Arabic using Sketch Engine software in addition to making a comparison between the fiqh solat in the book *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie* which is a fiqh reference the latest in the Syafie mazhab with the language of fiqh solat in the five latest works on fiqh solat other than the Syafie mazhab. This study will also analyze the lexical and contextual meaning of 10 selected words from the jurisprudential language of the solat. The findings of the study show that there is no significant difference between the types and forms of prayer fiqh vocabulary used in the book *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie* with the language of fiqh solat in the five latest works of various prayer fiqh mazhab, at the same time proving that the language of fiqh solat in the five works is the same.

**Keywords:** fiqh terminology, solat, arabic fiqh works, corpus linguistics

**Cite This Article:**

Mohamad Azwan Kamarudin, Lily Hanefarezan Asbullah, Amin al-Hadi Ab Hadi, Mohd Haidhar Kamarzaman & Muhammad Ariff Mohd Rajoli. (2024). Perbandingan Laras Bahasa Fiqh Solat antara Lima Karya Fiqh Berbahasa Arab Terkini: Analisis Data Korpus Berkomputer [Comparison of Fiqh Terminology for Solat Across Five Contemporary Arabic Fiqh Works: A Corpus-Based Analysis]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(2): 215-234.

## Pengenalan

Bahasa Arab tidak boleh dipisahkan dengan pelaksanaan agama dan amal ibadah oleh umat Islam. Menurut Hidayat Komaruddin (1996), konsep mengenai “bahasa agama” telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan banyak pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah. Hal ini memberi petunjuk bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan tuntutan agama Islam. Tuntutan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada golongan tertentu yang menjurus kepada tujuan akademik, malah ia turut menjadi satu keperluan bagi masyarakat awam yang beragama Islam. Dalam konteks agama Islam, bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran, bahasa al-Hadith dan bahasa zikir, wirid serta selawat memainkan peranan yang sangat penting dalam memahami dan menghayati setiap ritual amal ibadahnya. Dalam Islam, salah satu aspek penting dalam penghayatan ibadah adalah solat. Untuk memahami solat dengan lebih mendalam dan menjalankannya dengan penuh kesedaran, adalah penting untuk mengenali kosa kata berkaitan dengan laras bahasa fiqh solat. Antara sumber yang paling komprehensif dan mudah pada masa sekarang untuk mendapatkan akses kepada maklumat berkaitan penggunaan kosa kata dan penggunaannya ialah korpus. Secara umumnya, korpus merujuk kepada koleksi tulisan atau bahan yang berkaitan dengan topik tertentu atau himpunan data untuk tujuan kajian, seperti contoh penggunaan kata dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Namun, dalam bidang linguistik moden, korpus juga merujuk kepada bahan yang telah diolah dan boleh dibaca oleh komputer.

Istilah 'korpus' berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud 'badan', dan dalam konteks linguistik moden, ia merujuk kepada koleksi besar teks bertulis atau lisan yang mewakili pelbagai penggunaan sesuatu bahasa. Korpus ini disusun untuk analisis menggunakan perisian pengkomputeran bagi memahami penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks dan bentuk.

Mengikut *The Oxford Companion to the English Language*, (1992), korpus didefinisikan sebagai koleksi teks, lisan dan/atau bertulis yang disusun atur berdasarkan satu

set kriteria yang jelas dan tentu. Perkataan korpus ini berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud ‘badan’. Dalam bentuk jamaknya, biasanya disebut *korpora*. Dalam kajian linguistik dan leksikografi, sesuatu bentuk teks, ujaran, atau spesimen lain dianggap sebagai lebih kurang mewakili sesuatu bahasa, dan biasanya disimpan dalam bentuk pangkalan data elektronik. Kini, korpus komputer boleh menyimpan berjuta-juta perkataan, yang cirinya boleh dianalisis dengan cara penandaan atau pencirian (tambahan pengenalpastian dan penggolongan perkataan dan pembentukan lain) dan penggunaan program konkordans (Hasmidar Hassan, 2023).

## Kepentingan Mengenali Kosa Kata dalam Fiqh Solat

Bahasa Arab telah berkembang secara aktif sebagai bahasa kepada agama Islam. Ia merupakan bahasa untuk memahami dan mendalami agama Islam serta untuk menunaikan ibadah (Rosni, 2009). Menurut Kamarul Shukri et al. (2012), kedudukan bahasa Arab sebagai ‘bahasa ibadah’ turut mempengaruhi proses pembelajaran golongan muslim yang mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan. Hal ini disebabkan mereka sentiasa menggunakan bahasa tersebut dalam pelaksanaan amal ibadah secara harian. Bahasa Arab digunakan oleh umat Islam pada setiap hari kerana pelaksanaan amal ibadah seperti solat, azan, tilawah al-Quran, zikir, khutbah, selawat, doa dan sebagainya dilaksanakan dalam bahasa tersebut dan secara umumnya ia tidak menggunakan terjemahan bahasa-bahasa lain di dunia. Situasi ini membuktikan secara jelas bahawa bahasa Arab digunakan oleh setiap individu muslim dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT yang taat di atas segala titah perintah-Nya (Mohd Shahrizal Nasir, 2015).

Dalam solat, setiap gerakan, bacaan, dan doa mempunyai makna yang mendalam. Kosa kata dalam fiqh solat memberi penekanan pada makna dan tujuan setiap aspek solat. Dengan mengenali kosa kata ini, seseorang dapat memahami apa yang mereka lakukan semasa solat dengan lebih mendalam. Ini membolehkan seseorang merasai hubungan yang lebih dekat dengan Allah dan meresapi pengalaman ibadah secara emosional dan spiritual.

Dalam fiqh solat, terdapat banyak istilah yang merujuk kepada perintah dan sunnah dalam solat. Mengenali kosa kata ini membolehkan seseorang memahami perintah dan sunnah dengan lebih baik. Mereka akan tahu apa yang sepatutnya dilakukan dalam solat wajib dan sunat, dan dengan itu, mereka dapat meningkatkan kualiti solat mereka. Ketepatan dan ketelitian dalam solat juga adalah penting, kerana solat adalah ibadah yang sangat formal dalam Islam. Salah satu kesilapan yang sering berlaku adalah disebabkan oleh kurangnya pemahaman terhadap kosa kata fiqh solat. Dengan memahami dengan jelas apa yang setiap perkataan dan gerakan bermakna dalam konteks solat, individu boleh mengelakkan kesalahan dan penyelewengan yang boleh mempengaruhi sahnya solat mereka. Solat dalam Islam bukanlah hanya sekadar rutin harian, tetapi ia juga mengandungi unsur-unsur filosofikal yang mendalam. Kosa kata fiqh solat membantu individu memahami falsafah di sebalik ibadah ini. Mereka akan dapat mengaitkan setiap aspek solat dengan tujuan yang lebih besar, seperti pengabdian kepada Allah, penyucian diri, dan kesedaran terhadap ketuhanan. Kosa kata berkaitan dengan laras bahasa fiqh solat juga memainkan peranan dalam pembelajaran berterusan. Ia membolehkan individu untuk terus meningkatkan pemahaman mereka tentang solat. Dengan mempelajari

kosa kata ini, seseorang akan sentiasa mencari pengetahuan tambahan, membaca lebih banyak, dan berbincang dengan cendekiawan agama untuk mendalami pengetahuan mereka tentang solat.

Secara keseluruhannya, mengenali kosa kata berkaitan dengan laras bahasa fiqh solat adalah penting dalam meningkatkan penghayatan dan amal ibadah solat. Ia membantu individu muslim memahami makna dan tujuan setiap aspek solat, mempraktikkan perintah dan sunnah dengan lebih baik, mengelakkan kesalahan, memahami falsafah solat, dan mendorong pembelajaran berterusan. Dengan pengetahuan ini, seseorang dapat menjalankan solat dengan lebih mendalam dan penuh kesedaran, memperkuatkan hubungan mereka dengan Allah, dan meningkatkan kualiti ibadah mereka.

## Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif berikut:

1. Membina korpus laras bahasa fiqh solat dalam bahasa Arab menggunakan perisian Sketch Engine.
2. Membuat perbandingan antara laras bahasa fiqh solat dalam kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie* dengan laras bahasa fiqh solat dalam kelima-lima karya terkini fiqh solat pelbagai mazhab.
3. Menganalisis makna leksikal dan kontekstual bagi 10 perkataan terpilih dari laras bahasa fiqh solat tersebut.

## Skop Kajian dan Justifikasi Pemilihan Sampel

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji laras bahasa fiqh solat dalam lima rujukan terkini fiqh ibadat. Pemilihan laras bahasa fiqh solat sebagai fokus kajian adalah bertujuan membantu penuntut ilmu syariat Islam mengenal pasti kosa kata paling kerap yang digunakan oleh teks-teks yang membahaskan berkenaan fiqh solat berlatarkan gaya bahasa Arab moden. Lima rujukan terkini berkenaan fiqh ibadat ini dipilih daripada senarai rujukan fiqh ibadat yang terdapat dalam laman web *Maktabah Shamel*a dan laman web *waqfeya.net* yang mengandungi ratusan rujukan berkaitan fiqh ibadat yang klasik dan semasa. Lima karya ini merupakan Berikut merupakan lima karya fiqh terkini yang membahaskan fiqh solat yang menjadi sampel kajian ini: *Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, *Fiqh al-Ibadat ‘ala al-Mazhab al-Hanbali*, *Fiqh al-Ibadat ‘ala al-Mazhab al-Maliki*, *Fiqh al-Ibadat ‘ala al-Mazhab al-Hanafi* dan *Sifat Solat al-Nabi min al-Takbir ila al-Taslim Kaanaka Taraha*.

---

### Judul Kitab dan Maklumat Penerbitan



- الكتاب: الفقه المنهجي على مذهب الإمام الشافعي  
 المؤلف: الدكتور مصطفى الجن، الدكتور مصطفى البُغا، علي الشرّبجي  
 1. الناشر: دار القلم للطباعة والنشر والتوزيع، دمشق  
 الطبعة: الرابعة، ١٩٩٢ م

- .2. الكتاب: فقه العبادات على المذهب الحنفي  
المؤلف: الحاجة سعاد زرزور
- .3. الكتاب: فقه العبادات على المذهب المالكي  
المؤلف: الحاجة كوكب عبيد  
الناشر: مطبعة الإنشاء، دمشق - سوريا.  
الطبعة: الأولى ١٩٨٦ م
- .4. الكتاب: فقه العبادات على المذهب الحنفي  
المؤلف: الحاجة نجاح الحلبي
- .5. الكتاب: صفة صلاة النبي صلى الله عليه وسلم من التكبير إلى التسلیم كأنك تراها  
المؤلف: محمد ناصر الدين الألباني  
الناشر: مكتبة المعرف للنشر والتوزيع - الرياض


## Metodologi Kajian

Berikut merupakan tatacara pengumpulan data yang dilakukan:


1. Mencari dan memilih teks-teks yang hanya berkaitan dengan fiqh solat dalam lima karya tersebut.




2. Menyalin teks-teks berkenaan fiqh solat daripada karya-karya tersebut dan menampalnya di Microsoft Word.
3. Memadam maklumat-maklumat yang tidak dikehendaki seperti tahun wafat ulama', numberings dan huraian status hadis.
4. Menyimpan dokumen Word tersebut sebagai *plain text*, dan memilih UTF-8 sebagai format *encoding*.



- Membina korpus baharu menggunakan perisian *Sketch Engine*.



- Memuat naik data ke dalam perisian *Sketch Engine*.



- Meneliti perkataan yang kerap digunakan dalam setiap teks fiqh solat tersebut dengan melihat pada *wordlist*.
- Meneliti kata nama yang paling kerap digunakan.

**WORDLIST**

Fiqh Solat (Mazhab Syafie)

BASIC ADVANCED ABOUT

find ? words all

lemmas starting with

adjective ending with

adverb containing

conjunction

**noun**

particle

preposition

GO

**WORDLIST**

Fiqh Solat (Mazhab Syafie)

SUBSCRIBE -2 days left

noun (1,582 items | 9,999 total frequency)

Noun	Frequency	Noun	Frequency	Noun	Frequency	Noun	Frequency	Noun	Frequency
الله	761 ...	بعد	83 ...	قول	63 ...	تكبير	46 ...	حين	40 ...
صلوة	591 ...	عند	81 ...	دليل	63 ...	داود	46 ...	واحد	38 ...
مسلم	160 ...	يوم	76 ...	رجل	58 ...	مصلي	44 ...	سلام	38 ...
ركعة	145 ...	سنة	72 ...	إمام	57 ...	ركن	43 ...	فعل	36 ...
رسول	120 ...	شرط	72 ...	شيء	57 ...	قراءة	42 ...	أبو	35 ...
غير	114 ...	ساجد	72 ...	أبي	53 ...	أحد	41 ...	خطبة	34 ...
كل	113 ...	قبل	70 ...	بن	53 ...	عيد	41 ...	عض	34 ...
وقت	100 ...	أبن	68 ...	جماعة	49 ...	عصر	41 ...	فجر	34 ...
بين	94 ...	ظهور	66 ...	أمر	48 ...	شمس	40 ...	عشاء	33 ...
جمعة	88 ...	حديث	64 ...	مسجد	47 ...	أدان	40 ...	بد	33 ...

Rows per page: 50 1–50 of 1,582

## 9. Meneliti kata kerja yang kerap digunakan.

**WORDLIST**

Fiqh Solat (Mazhab Syafie)

SUBSCRIBE -2 days left

verb (689 items | 4,759 total frequency)

Verb	Frequency	Verb	Frequency	Verb	Frequency	Verb	Frequency	Verb	Frequency
صلى	394 ...	قام	44 ...	جاء	28 ...	دخل	22 ...	جمع	17 ...
قال	349 ...	ترك	37 ...	سجد	28 ...	شاء	21 ...	جعل	17 ...
سلم	321 ...	سمع	36 ...	ليس	26 ...	زاد	21 ...	وقع	17 ...
كان	313 ...	أثني	36 ...	حاز	25 ...	ولی	20 ...	أدي	17 ...
روى	224 ...	ذكر	34 ...	قرأ	24 ...	رفع	19 ...	تم	16 ...
رضي	188 ...	علم	34 ...	وصل	24 ...	شهد	19 ...	دل	16 ...
إن	104 ...	صح	33 ...	إنما	23 ...	أمكن	18 ...	سأل	16 ...
سن	67 ...	أقام	32 ...	بدأ	23 ...	أشترط	18 ...	قصد	16 ...
تعالى	52 ...	كبر	31 ...	راوند	22 ...	جلس	17 ...	أخذ	16 ...
وجب	51 ...	بطل	29 ...	عرف	22 ...	أدرك	17 ...	سمي	16 ...

Rows per page: 50 1–50 of 689

10. Menganalisis perkataan yang dipilih dengan merujuk kepada kamus *Almaany.com*.

11. Melakukan penyemakan semula data seperti menyingkirkan:

- Perkataan yang tidak berkaitan dengan tema fokus kajian daripada senarai perkataan yang telah dihasilkan oleh *Sketch Engine*.
- Perkataan yang berulang.
- Perkataan yang disalah kategorikan, contohnya kata tugas *inna* diletakkan di bawah senarai kata kerja.

12. Mengulangi prosedur yang sama dengan menggabungkan kelima-lima karya terkini berkenaan fiqh solat.
13. Membuat perbandingan laras bahasa fiqh solat antara fiqh solat dalam karya terkini mazhab Syafie dengan gabungan kelima-lima karya terkini berkenaan fiqh solat.

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian bagi setiap karya, iaitu senarai kekerapan perkataan, senarai kata nama laras bahasa fiqh solat, dan senarai kata kerja laras bahasa fiqh solat seperti berikut:

### 1. Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie

#### a. Senarai kekerapan perkataan

Word	Frequency	?	Word	Frequency	?	Word	Frequency	?	Word	Frequency	?	Word	Frequency	?
الله	736	...	قال	215	...	النبي	126	...	إلا	81	...	بين	61	...
في	511	...	لا	194	...	نُم	126	...	الجمعة	76	...	إن	61	...
من	425	...	رضي	187	...	البحاري	125	...	ولا	75	...	قبل	60	...
أن	412	...	أو	158	...	إذا	119	...	فإن	69	...	ابن	60	...
عليه	344	...	ما	154	...	رسول	113	...	أي	69	...	التي	55	...
صلى	320	...	إلى	146	...	لم	94	...	له	68	...	فيه	54	...
وسلم	287	...	عنه	144	...	ومسلم	90	...	بعد	66	...	أبي	53	...
على	284	...	صلة	137	...	روى	88	...	حتى	64	...	بن	53	...
الصلة	259	...	ذلك	134	...	رواه	87	...	مسلم	63	...	عبد	52	...
عن	252	...	كان	131	...	كل	81	...	وهو	63	...	صلاته	51	...

#### b. Kata nama dalam laras bahasa *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan
1	الله	Allah	761
2	صلاة	solat	591
3	مسلم	Muslim	160
4	ركعة	rakaat	145
5	رسول	rasul	120
6	غير	Selain/bukan	114
7	كل	Setiap/sempua	113
8	وقت	waktu	100
9	بين	antara	94

10	جمعة	Jumaat	88
11	بعد	selepas	83
12	عند	Di sisi/ketika	81
13	يوم	hari	76
14	سنة	sunat	72
15	شرط	syarat	72
16	ساجد	yang bersujud	72
17	قبل	Sebelum	70
18	ابن	Anak lelaki	68
19	ظهر	Zohor	66
20	حديث	Hadis	64

- c. Kata kerja dalam laras bahasa *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan
1	صلی	solat	394
2	قال	berkata	349
3	سلم	Mensejahterakan/memberi salam	321
4	كان	Was/were	313
5	روى	meriwayatkan	224
6	رضي	meredai	188
7	إن	?	104
8	سن	?	67
9	تعالى	Maha tinggi	52
10	وجب	wajib	51
11	قام	berdiri	44
12	ترك	meninggalkan	37
13	سمع	dengar	36
14	أتى	datang	36
15	ذكر	menyebut	34
16	علم	tahu	34
17	صح	sah	33

18	أقام	Mendirikan/membaca iqamat	32
19	كبر	membesar	31
20	بطل	batal	29

## 2. Gabungan Lima Karya Terkini Fiqh Solat Pelbagai Mazhab

The screenshot shows the 'CREATE CORPUS' interface. On the left is a vertical toolbar with various icons. At the top right is a search bar containing 'Fiqh Solat (Semua Mazhab)' and a magnifying glass icon. To the right of the search bar is a red 'SUBSCRIBE' button. Below the search bar, the text 'CORPUS: Fiqh Solat (Semua Mazhab) (Arabic)' is displayed. Underneath, a breadcrumb navigation shows 'CREATE CORPUS > ADD TEXTS > COMPILE'. Two main buttons are visible: 'Find texts on the web' (with a globe icon) and 'I have my own texts' (with a cloud and arrow icon). A message in the center says 'Processing... You can leave this screen, files will be processed in the background.' Below this, a table shows file processing status: a folder named 'upload' with approximately 32,422 words.

### a. Senarai kekerapan perkataan

The screenshot shows the 'WORDLIST' interface. On the left is a vertical toolbar. At the top right is a red 'SUBSCRIBE' button and a note '-2 days left'. Below the search bar, it says 'word (12,003 items | 66,412 total frequency)'. The main area is a table of words and their frequencies. The columns are 'Word' and 'Frequency'. The table is divided into five sections by color-coded headers. The first section (blue) contains words 1-10: الله (2,139), في (1,630), من (1,247), عليه (1,126), صل (1,060), أن (952), وسلم (897), على (890), الصلة (766), قال (699). The second section (light blue) contains words 11-20: عن (660), أو (576), كان (543), رضي (535), لا (521), ما (449), إذا (430), عنه (415), إلى (404), رسول (397). The third section (light green) contains words 21-30: صلاة (389), ثم (383), النبي (317), ولا (309), لم (296), ذلك (294), إن (249), البخاري (248), حتى (235), إلا (231). The fourth section (light orange) contains words 31-40: فإن (212), صلاته (210), له (201), أما (191), بن (191), 9 (188), بين (187), وهو (187), بعد (186), إ (182). The fifth section (light purple) contains words 41-50: فلا (180), كل (179), لما (178), ابن (176), داود (175), ومسلم (173), أبي (168), رو (167), به (164), يقول (161). At the bottom, there are pagination controls and a note 'Rows per page: 50 1-50 of 11,994'.

No	Perkataan	Kekerapan
1	الله	2139
2	في	1630
3	من	1247
4	عليه	1126

5	صلی	1060
6	أن	952
7	وسلم	897
8	على	890
9	الصلوة	766
10	قال	699
11	عن	660
12	أو	576
13	كان	543
14	رضي	535
15	لا	521
16	ما	449
17	إذا	430
18	عنه	415
19	إلى	404
20	رسول	397

b. Kata nama laras bahasa gabungan lima karya terkini fiqh solat pelbagai mazhab

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan
1	الله	Allah	2337
2	صلاة	solat	1,666
3	رسول	rasul	439
4	وقت	waktu	386
5	ركعة	rakaat	338
6	مسلم	Muslim	328
7	ساجد	yang bersujud	306
8	غير	Selain/bukan	296
9	أبو	Bapa	274
10	كل	Semua/setiap	272
11	بين	antara	256
12	أبن	bin	243
13	بعد	selepas	234

14	حديث	hadis	228
15	قول	pandangan	201
16	يد	tangan	197
17	إمام	imam	193
18	بن	bin	191
19	رجل	Lelaki	189
20	قراءة	bacaan	184

- c. Kata kerja laras bahasa gabungan lima karya terkini fiqh solat pelbagai mazhab

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan
1	صلی	solat	1,367
2	قال	berkata	1,344
3	كان	Was/were	1,111
4	سلم	mensejahterakan	984
5	رضي	meredai	540
6	روى	meriwayatkan	332
7	إن	?	317
8	قرأ	membaca	176
9	تعالى	Maha tinggi	138
10	وجب	Mewajibkan	129

## Analisis Dapatan

Dalam analisis ini, pengkaji telah memilih sepuluh (10) perkataan yang paling kerap dan dirasakan signifikan dengan laras bahasa fiqh solat untuk dianalisis dari aspek makna leksikal dan kontekstualnya.

### 1. صلی (bersembahyang)

Perkataan صلی disebut sebanyak 1,367 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. Perkataan صلی digolongkan dalam kategori kata kerja. Dari sudut leksikal, perkataan صلی bermaksud menunaikan solat, berselawat ke atas baginda rasul atau berdoa. Namun dalam konteks fiqh solat, صلی hanyalah merujuk kepada perbuatan menunaikan solat dan berselawat ke atas baginda rasul tergantung pada perkataan yang hadir selepasnya. Solat adalah sinonim bagi sembahyang yang bererti menyembah Allah (Kamus Dewan Edisi Keempat). Disebabkan laras bahasa yang dianalisis dalam kajian ini ialah laras

bahasa fiqh solat, maka akar kata **صلی** dan kata-kata yang terbit atau berderivasi daripadanya adalah mendominasi teks-teks sampel ini. Contohnya adalah seperti di bawah.

No	Kata Terbitan	Maksud
1	يصلی	Sedang solat
2	صلاة	Satu solat
3	صلوات	Solat-solat/limpah selawat
4	المصلي	Orang yang solat
5	صلوا	Solatlah kalian!

The screenshot shows a search interface with various filters and a list of results. The results are presented in a table-like format with columns for 'Left context', 'KwIC', and 'Right context'. Each result is a snippet of text from a document, likely a hadith or a book of fiqh, containing the keyword 'صلی'.

## 2. رسول (Rasul)

Perkataan **رسول** disebut sebanyak 439 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. Perkataan **رسول** merupakan kata arab yang telah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu sejak sekian lama. Rasul dalam bahasa Melayu bererti utusan atau pesuruh Allah yang dipilih-Nya untuk menerima wahu daripada-Nya untuk dirinya sendiri dan diwajibkan menyampaikan wahu itu kepada orang lain (Kamus Dewan Edisi Keempat). Disebabkan panduan utama dalam ritual ibadat solat ialah baginda nabi Muhammad s.a.w, justeru tidak peliklah sekiranya nama baginda merupakan kata nama paling kerap disebut dalam teks-teks fiqh solat selepas nama Allah s.w.t. Perkataan **رسول** juga sentiasa digandingkan bersama perkataan **الله** yang merujuk kepada baginda sebagai utusan Allah.

The screenshot shows a search interface with various filters and a list of results. The results are presented in a table-like format with columns for 'Left context', 'KwIC', and 'Right context'. Each result is a snippet of text from a document, likely a hadith or a book of fiqh, containing the keyword 'رسول'.

### 3. وقت (Waktu)

Kalimah **وقت** disebut sebanyak 386 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab yang berjumlah 67,081. Perkataan **وقت** sememangnya telah diserap masuk ke perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu. Waktu adalah sinonim bagi masa dalam bahasa Melayu yang bererti rangkaian atau rentetan saat yang telah lalu atau akan datang (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Memandangkan kewajipan solat yang difardukan ke atas setiap muslim ialah lima waktu, justeru kita dapatkan perkataan **وقت** menduduki antara tempat teratas paling kerap diulang dalam teks-teks yang membahaskan fiqh solat. Perkataan **وقت** juga sifatnya berderivasi seperti dalam ayat suci al-Quran di bawah:

### إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُوتًا

Maksudnya: “Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman, yang tertentu”

The screenshot shows a digital concordance interface with the following details:

- CONCORDANCE** search bar: Fiqh Solat (Sunnah Mazhab).
- Search term: وقت (Waktu).
- Results count: 386.
- Left context, Right context tabs.
- Language: KWIC.
- Filter: 3 days left.
- Navigation icons: back, forward, search, etc.
- Text snippets showing occurrences of the word 'وقت' in various Islamic sources, such as the Qur'an, Sunnah, Hadith, Tafsir, and Fiqh.

### 4. قال (berkata)

Perkataan **قال** disebut sebanyak 1344 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. **قال** ialah kata kerja yang bermaksud ‘berkata’. Ritual ibadat solat tergolong daripada *al-Ibadah al-Badaniyyah al-MahDoh* yang tidak menerima sama sekali sebarang bentuk kreativiti atau inovasi dalam melaksanakannya bertepatan dengan kaedah syarak-geri dalam solat itu mestilah berpandukan riwayat yang *sahih* daripada baginda nabi Muhammad s.a.w. melalui jalan sahabat baginda dan para tabiin. Dalam tradisi ilmu Islam, satu-satunya jalan untuk menjamin keabsahan maklumat yang diterima berkenaan panduan tersebut ialah melalui jalan riwayat yang *sahih*. Dalam riwayat-riwayat tersebut selalunya ketika sebelum bermulanya ucapan baginda nabi s.a.w atau ungkapan para sahabatnya, perkataan **قال** akan terlebih dahulu muncul menandakan permulaan ungkapan baginda atau para sahabatnya. Lantaran dari itulah mengapa kita dapatkan perkataan **قال** yang bererti ‘berkata’

menduduki antara tempat teratas paling kerap disebut dalam teks-teks tersebut. Terdapat juga beberapa kata terbitan yang berderivasi daripada akar kata **قال** seperti di bawah.

No	Kata Terbitan	Maksud
1	يقول	Dia berkata
2	قول	Ucapan/lafaz
3	مقول	Apa yang dikata
4	قائل	Yang berkata

The screenshot shows a concordance search results page for the word 'قال' (said) across multiple sources. The interface includes a sidebar with filters like 'Details', 'Kwic', and 'Right context'. The main area lists numerous examples of the word 'قال' from various sources, each with a snippet of the surrounding text. The snippets are in Arabic and Latinized Arabic, with some English translations or explanations provided. The sources include various Islamic texts and commentaries.

## 5. الإمام

Perkataan **الإمام** disebut sebanyak 156 daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. Perkataan **الإمام** juga telah sekian lama diserap masuk ke dalam perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu yang bererti ‘imam dalam solat atau pemimpin’. Perkataan ‘imam’ dalam bahasa Melayu bererti orang yang mengetuai sembahyang jemaah (*Kamus Dewan Edisi Keempat*).

The screenshot shows a concordance search results page for the word 'الإمام' (imam) across multiple sources. The interface includes a sidebar with filters like 'Details', 'Kwic', and 'Right context'. The main area lists numerous examples of the word 'الإمام' from various sources, each with a snippet of the surrounding text. The snippets are in Arabic and Latinized Arabic, with some English translations or explanations provided. The sources include various Islamic texts and commentaries.

### 6. رکعہ (rakaat)

Perkataan **ركعة** disebut sebanyak 338 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. Perkataan **ركعة** dan beberapa lagi kata terbitan daripada akar kata **ركع** membawa beberapa maksud leksikal seperti berikut:

No	Kata Terbitan	Maksud
1	رَكْعَةٌ	Satu rakaat
2	الرُّكُوعُ	ruku'
3	يَرْكِعُ	Dia sedang ruku'
4	الرَاكِعُونَ	Orang-orang yang ruku'
5	رَكْعَاتٍ	Beberapa rakaat

7. تکبیر

*Takbiratul ihram* ialah pintu bagi seseorang muslim sebelum masuk ke ritual solat. Takbir merupakan kalimah mengagungkan Allah dengan menyebut ‘*Allahu Akbar*’ berulang kali (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Perkataan تكبير disebut sebanyak 129 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. Perkataan تكبير juga antara perkataan yang telah diserap masuk ke dalam perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu. Perkataan تكبير berasal daripada kalimah كبر yang bermaksud besar. Perkataan تكبير yang berasal daripada kalimah كبر turut menyaksikan kepelbagaiannya derivasi dan digunakan dalam teks-teks fiqh solat pelbagai mazhab tersebut:

No	Kata Terbitan	Maksud
1	تکبیر	Mengucapkan ‘Allahu Akbar’
2	یکبّر	Perbuatan mengucapkan ‘Allahu Akbar’
3	تکبیرة	Satu takbir

Detailed description: This is a screenshot of a digital concordance interface. The search term 'سجدة' (Sujud) has been entered. The results are displayed in a grid format, showing numerous entries from various Islamic sources. Each result includes a snippet of the text, the page number, and a link to the full text. The interface includes navigation buttons for left context, KWIC (Key Word In Context), and right context, along with other standard web browser controls.

## 8. السجود

Perkataan **السجود** disebut sebanyak 109 kali daripada jumlah kesemua kata dalam lima teks fiqh solat pelbagai mazhab, 67,081. Perkataan ‘*sujud*’ yang telah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu bererti meletakkan kepala di lantai atau tanah sebagai manifestasi tertinggi ketundukan dan berserah diri kepada Pencipta. Perkataan **السجود** yang berasal daripada akar kata turut menyaksikan kepelbagaian variasi kata yang terbit atau berderivasi daripadanya:

No	Kata Terbitan	Maksud
1	سجود	sujud
2	سجدة	Satu sujud
3	يسجد	Dia sedang sujud
4	ساجد	Orang yang sujud
5	سجادات	Beberapa sujud

Detailed description: This is a screenshot of a digital concordance interface. The search term 'سجدة' (Sujud) has been entered. The results are displayed in a grid format, showing numerous entries from various Islamic sources. Each result includes a snippet of the text, the page number, and a link to the full text. The interface includes navigation buttons for left context, KWIC (Key Word In Context), and right context, along with other standard web browser controls.

## 9. يقرأ

Perkataan **يقرأ** disebut sebanyak 95 kali, belum termasuk semua kata yang terbit daripada akar kata yang bererti ‘membaca’. Disebabkan rukun ibadat solat ini terdiri daripada *rukun qawli* dan *rukun fi'liy*, justeru perkataan **قرأ** yang merujuk kepada makna ‘membaca’ tidaklah asing jika kerap ditemui dalam teks-teks yang membahaskan mengenai fiqh solat.

No	Kata Terbitan	Maksud
1	يقرأ	Sedang membaca
2	قرأ	Telah membaca
3	اقرأ	Bacalah!
4	قارئ	pembaca
5	قراءة	bacaan

The screenshot shows a list of approximately 20 results, each with a snippet of text in Arabic, the page number (e.g., 1, 2, 3), and a link to the full text.

## 10. وجوب (wajib)

Perkataan **وجوب** disebut sebanyak 129 kali. Perkataan **وجوب** bermaksud wajib atau lazim. Perkataan **واجب** dalam bahasa Arab merupakan kata terbitan bagi atas *wazan isim fā'il*. Dalam peristilahan ilmu fiqh, **واجب** merupakan salah satu daripada lima hukum asas dalam Islam, iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Takrifan “wajib” dalam fiqh ialah:

الواجِبُ: مَا يُتَابُ فَاعِلُهُ امْتِنًا، وَيَسْتَحِقُ تَارِكُهُ الْعِقَابَ.

**Wajib:** Sesuatu perbuatan yang mendatangkan pahala kepada pelakunya, dan mendatangkan balasan buruk kepada orang yang meninggalkannya (al-Juhani, 2019).

Perkataan **وجوب** juga disebut dalam qasidah masyhur yang seringkali dialunkan pada Maulidur Rasul, iaitu:

وَجَبَ الشُّكُرُ عَلَيْنَا ..... مَا دَعَا اللَّهُ بِهِ دَاعٍ

**Maksudnya:** Wajiblah kita mengucapkan kesyukuran ..... Selagi mana ada yang menyeru kepada Allah.

Dalam konteks fiqh solat, perkataan **وجوب** bermaksud mesti, wajib atau sepatutnya. Dalam teks fiqh pelbagai mazhab yang berkaitan dengan fiqh solat, perkataan **وجب** ditemukan dalam bentuk *fi'l mudāri'*, iaitu . **يجب** Berikut antara contoh penggunaan kalimah **يجب** dalam teks-teks tersebut:

No	Kata Terbitan	Maksud
1	وجب	Telah wajib
2	واجب	..adalah wajib.
3	يجب	mestilah
4	واجية	Satu kewajipan
5	أوجب	mewajibkan

The screenshot shows a search interface for 'CONCORDANCE' with the query 'وجب' (Wajib) and a result count of 129. The results are displayed in a grid format with columns for 'Left context', 'Kwic', and 'Right context'. Each result is a snippet of text containing the word 'وجب' with its surrounding context. The snippets are in Arabic and provide examples from various Islamic legal sources, including Al-Fiqh Al-Manhaji, Sifat Solat al-Nabi, and Fiqh al-Ibadat, among others. The interface includes a 'SUBSCRIBE' button and a '3 days left' timer.

## Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam laras bahasa fiqh solat yang digunakan dalam kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie* dengan laras bahasa fiqh solat dalam kelima-lima karya terkini fiqh solat pelbagai mazhab. Hal ini mungkin disebabkan saiz data korpus yang dianggap masih sedikit, iaitu sekitar 67,081 patah perkataan, memandangkan data yang diperolehi hanyalah daripada 5 karya terkini yang terpilih daripada puluhan karya terkini berkenaan fiqh ibadat pelbagai mazhab yang tersebar luas di serata dunia dalam pelbagai gaya dan versi. Disebabkan fiqh solat ini adalah bersifat *tawqifi*, iaitu berlandaskan wahyu dari langit semata-mata dan ritual pelaksanaannya adalah mudah, tidak asing dan dekat dengan diri setiap muslim dalam kehidupan sehariannya, maka istilah-istilah berkenaan juga mudah dikenali dan difahami. Diharapkan agar kajian seumpamanya dan lebih terperinci dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis laras bahasa fiqh-fiqh lain yang lebih *ijtihadi* seperti fiqh muamalat yang perbendaharaan kosa kata berkenaan lebih berkembang seiring dengan keperluan ke arah perkembangan tersebut dari masa ke semasa.

## Rujukan

- Abu Abdullah Hanafi Dollah. 2015. *Kamus al-Khalil al-Islami*. Cetakan pertama. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir.
- Albani al-, Mohamed Nasiruddin. t.th. *Sifat Solat al-Nabi 'alaihissalam min al-Takbir ila al-Taslim Kaannaka Taraha*. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', Riyadh.
- Almaany Arabic-Arabic Dictionary. 2023. <https://www.almaany.com/>
- al-Halabi, Hajah Najah. *Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-Hanafi*. <https://shamela.ws/book/650>

- Hasmidar Hassan. 2023. Kajian Linguistik Bahasa Melayu Bersumberkan Korpus. Kekuatan dan Kelemahannya. *PENDETA*, 14(1), 23–34.
- Hidayat, Komaruddin. 1996. Memahami Bahasa Agama. Jakarta: Paramadina.
- al-Juhani, Khalid bin Mahmud. 2019. al-Wajib fi al-fiqh. al-Alukah al-Shar‘iyyah. [https://www.alukah.net/sharia/0/137917/%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D8%AC%D8%A8-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%82%D9%87/Kamus\\_Dewan](https://www.alukah.net/sharia/0/137917/%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D8%AC%D8%A8-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%82%D9%87/Kamus_Dewan). 2010. (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman, & Siti Salwa Mohd Noor. Eksplorasi penggunaan strategi metafizik ke arah penajaran tipologi SPB. In Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Shahrizal Nasir, & Nurazan Mohmad Rouyan (Eds.), *Dinamika pendidikan bahasa Arab: Menelusuri inovasi profesionalisme keguruan* (pp. 115–127). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Sharbaji, Ali 1992. *Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Darul Qalam, Damsyik.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir dan Mohd Firdaus Yahaya. 2015. Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 51–72.
- Rosni, S. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2022. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Edisi Baru (Tafsir Kebangsaan). JAKIM & Rimbunan Islamik Media.
- The Oxford Companion to the English Language*. 1992. Published by Oxford University Press.
- ‘Ubaid, Hajah Kawkab. 1986. *Fiqh al-Ibadat ‘ala al-Mazhab al-Maliki*. Percetakan al-Insha. Damsyik.
- Zarzur, Hajah Suad. *Fiqh al-Ibadat ‘ala al-Mazhab al-Hanbali*. <https://shamela.ws/book/12899>